

06/03/1998

Dasar Malaysia sedia kemudahan dialog: PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia sedia menjadi tempat perundingan antara China dengan Taiwan jika ada permintaan daripada kedua-dua pihak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, memang menjadi dasar Malaysia menyediakan kemudahan berdialog dan mencari jalan penyelesaian terhadap sebarang masalah di rantau ini.

"Kita tidak boleh kata bahawa kita menawarkan perkara itu tetapi jika kedua-dua pihak berminat mengemukakan permohonan (menjadikan Malaysia lokasi berdialog), kita sedia menyediakan khidmat itu.

"Dasar kita ialah untuk menganjurkan dialog dan penyelesaian terhadap masalah di rantau ini," katanya selepas merasmikan Persidangan Kayu Kayan Antarabangsa di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas lanjut kenyataannya dalam satu temuramah dengan akhbar Taipei semalam bahawa Kerajaan Malaysia bersedia menjadi tempat bagi Taiwan dan China berunding.

Akhbar berbahasa China 'Commercial Times' itu menyebut Dr Mahathir sebagai berkata, Malaysia 'bersedia mengadakan kemudahan asas bagi kedua-dua pihak itu membincangkan isu penyatuan mereka'.

Laporan itu juga menyebut Dr Mahathir berkata, Kuala Lumpur sentiasa berpegang kepada dasar 'satu China'. Malaysia hanya mengiktiraf China sahaja dan bukan Taiwan.

Dalam temuramah itu juga, Perdana Menteri menyatakan Kerajaan Malaysia berharap Taiwan dan China boleh mencapai perdamaian seberapa segera kerana ia akan memberi manfaat kepada dua negara yang sudah sekian lama bermusuhan itu di samping negara lain di Asia.

(END)